

## **Memahami Etika dan Kegunaan Etika Kewartawanan oleh Wartawan Akhbar Berbahasa Melayu di Malaysia**

Nor Zaliza Sarmiti\*  
Hamedи Mohd Adnan  
Universiti Malaya, Malaysia

\*Email perhubungan: [zaliza\\_s@um.edu.my](mailto:zaliza_s@um.edu.my)

### **Abstrak**

*Etika kewartawanan mula dibincangkan di negara-negara Eropah sejak abad ke-17. Sementara di Malaysia, kewujudan Etika Kewartawanan Malaysia (EKM) yang diperkenalkan pada 20 Mei 1989 oleh Institut Akhbar Malaysia (MPI) dan Pertubuhan Editor-Editor Suratkhabar (ONE) adalah titik permulaan dalam meletakkan kerjaya wartawan di Malaysia dalam standard yang tinggi. Dunia kewartawanan tidak pernah sunyi daripada membincangkan isu dan permasalahan berkaitan etika dan kajian mengenainya sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik tempatan. Namun, kewujudan kod etika kewartawanantidak begitu jelas, hanya didengar, kurang digunakan walaupun kepentingannya diiktiraf oleh wartawan yang kebanyakannya mendakwa mereka adalah profesional. Sememangnya pembentukan kod etika kewartawanan merupakan titik tolak kepada usaha memartabatkan kerjaya wartawan ke tahap profesional. Segalanya perlu bermula dengan diri wartawan itu sendiri. Apakah kegunaan dan kepentingan etika dalam kerjaya? Apakah penerimaan wartawan terhadap EKM? Apakah elemen utama yang perlu ada pada etika kewartawanan di Malaysia? Makalah ini akan memberikan jawapan dengan menggunakan gabungan kaedah kajian soal selidik kepada 272 orang wartawan daripada lima akhbar berbahasa Melayu dan kaedah temu bual mendalam bersama enam orang pengamal media. Dapatkan kajian menunjukkan kebanyakan wartawan akhbar berbahasa Melayu mengakui bahawa mereka melaksanakan tugas berlandaskan kod etika. Majoriti wartawan mengetahui kewujudan EKM dan mendukung kelapan-lapan perkara pada EKM. Responden kajian juga mengakui kepentingan etika dalam menunjang kerja-kerja kewartawanan yang dilakukan.*

**Kata kunci:** *Etika, Wartawan, Akhbar Melayu, Malaysia*

## **Understanding and Usefulness of the Journalistic Ethics by Malay-language Journalists in Malaysia**

### **Abstract**

*The ethics of journalism began to be discussed in European countries since 17th century. Meanwhile in Malaysia, the existence of the Journalism Code of Ethics (EKM) on 20 May 1989 by the Malaysian Press Institute (MPI) and the Association of Newspaper Editors (ONE) is the starting point for elevating the career of a journalist in Malaysia to a high standard. Discussion on the issues of ethics is a never-ending agenda in the world of journalism and research on it has always received much attention among local researchers. Although journalists acknowledged these codes of ethics, their existence is not so clear, just heard, and less used by journalists who mostly claimed they are professional. The formation of a code of ethics for journalism is the starting point in elevating a journalist's career to a professional level. Everything must begin with his own. What is the importance of ethics in a career? What is the journalist's acceptance of EKM? What are the key elements that need to be present in the ethics of journalism in Malaysia? This paper will provide answers by using a mix-method, whereby 272 journalists from five Malay language newspapers were asked to answer a questionnaire and also an interview with six media practitioners. The study shows that most journalists in Malay language newspapers admit that they perform their duties based on the code of ethics. The majority of journalists are aware of the existence of EKM and support all eight elements of EKM. The journalists also acknowledge the importance of ethics in supporting the work of journalism.*

**Keywords:** Ethics, Journalist, Malay Newspaper, Malaysia

## Pengenalan

Media dan wartawan memainkan peranan yang besar dalam pembangunan negara. Di negara yang sedang membangun seperti Malaysia, media harus menyokong usaha-usaha kerajaan yang memerintah demi pembangunan masyarakat dan negara. Chamil Wariya (2011) menyatakan wartawan Malaysia perlu memberikan sumbangan kepada proses membina negara. Peranan media terutamanya akhbar yang memegang tradisi kuasa pemberitaan seawal abad ke-19 amat penting dalam masyarakat, bukan sahaja sebagai medium saluran maklumat, media juga turut berperanan dalam mendidik, mempengaruhi, menghibur dan bertindak sebagai agen perubahan yang berupaya menggerakkan masyarakat kearah sebuah negara yang harmoni dan maju.

Medium media seperti akhbar berperanan menyampaikan maklumat atau berita dengan tahap kredibiliti yang tinggi, dipercayai, dan lengkap (Schweiger, 2000; Flanagin & Metzger, 2000; McQuail, 2005; Jarvis, Stroud & Gilliland, 2009;) kepada masyarakat. Di sini, jelas bahawa peranan akhbar yang digerakkan melalui penulisan oleh wartawan amat penting dalam mempengaruhi pemahaman serta pemikiran khalayaknya ke arah yang dicitacitakan oleh negara. Dalam melaksanakan peranan ini, wartawan memikul beban tugas dan tanggungjawab yang sudah pasti amat berat. Hal ini demikian kerana wartawan bergerak dalam keterikatan dengan kerajaan memerintah, undang-undang dan akta yang termaktub, peraturan daripada organisasi dan persatuan media, dan tidak kurang juga dipengaruhi oleh ekonomi pasaran kerana media merupakan institusi yang berunsurkan perniagaan. Keadaan ini jelas menggambarkan kuasa yang ada di sebalik media itu sendiri yang sudah pasti akan mempengaruhi corak dan gaya pemberitaan dan sekali gus memungkinkan timbulnya pelbagai tekanan dan konflik dalam pelaporan berita oleh para wartawan.

Seperti yang dinyatakan oleh Shoemaker dan Reese (2014), “*It has been found by research that media content is influenced by the personal attitudes and orientations of media workers, professionalism, corporate policies, ownership patterns, the economic environment, advertisers, audiences, ideology and above all, the governments*” (hlm. 154). Pertimbangan inilah yang akan mencorakkan kandungan media dan bukan tugas mudah bagi wartawan untuk melaporkan berita yang memenuhi keperluan kuasa-kuasa yang ada. Hoo (2000) menyatakan bahawa media tertakluk kepada pengaruh pemilik, pengiklan dan politik berpihak. Hal ini bukan sahaja membuatkan wartawan bekerja dalam tekanan malah perlakuan yang tidak beretika mungkin boleh terjadi.

Di Malaysia, hal berkaitan kawalan media sering diperbincangkan oleh persatuan-persatuan kewartawanan dan perjuangan untuk tidak terikat kepada kawalan yang ada berterusan sehingga kini. Sistem media di Malaysia meletakkan keadaan kawalan kepada media sebagai sesuatu yang perlu ada. Ini bukanlah perkara baru kerana sejarah awal media di Malaysia sendiri telah muncul bersama beberapa akta dan undang-undang yang harus dipatuhi oleh warganya.

Antara kawalan yang dianggap menyekat suara kebebasan media termasuklah undang-undang dan akta seperti Akta Mesen Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan beberapa lagi yang memang khusus kepada media. Faridah Ibrahim dan Mus Chairil Samani (2000) menyatakan bahawa penguatkuasaan undang-undang di negara ini mempunyai kesan langsung dan tidak langsung kepada petugas media dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Persekutaran media sebegini memungkinkan berlakunya perlanggaran moral dan gangguan terhadap tugas wartawan untuk melaporkan berita secara actual serta objektif. Dalam hal ini, pegangan terhadap etika kewartawanan yang tinggi dalam kalangan wartawan sahaja mampu menangkis segala kecelaruan dan tekanan yang ada dalam persekitaran kerjaya wartawan.

### **Latar Belakang Kajian**

Etika adalah salah satu cabang dalam bidang falsafah yang secara langsung mempersoalkan bagaimana manusia hidup dengan idea-idea yang bermoral dan membezakan antara konsep salah dan betul. Babran dan Ataherian (2019) mendefinisikan etika sebagai satu set sifat yang muncul dari dalaman rohani manusia dan dapat dipaparkan menerusi tingkah serta perbuatan. Etika secara umumnya meliputi kriteria tingkah laku yang baik dan bersifat sejagat manakala prinsip etika mengandungi pendekatan yang rasional serta praktikal dalam satu peraturan tingkah laku oleh sesebuah kumpulan sosial atau profesion tertentu. Pada etika terkandung prinsip sesebuah kerjaya yang berguna sebagai panduan yang akan menggalakkan kepada tindakan dan perbuatan yang betul. Oleh itu, etika merupakan prinsip nilai terhadap tindakan yang menerangkan apa-apa yang sepatutnya berlaku dan bukannya keadaan sebenar bagi sesuatu perkara.

Bagi Louis dan Fieser (2009), sangat penting untuk mengamalkan etika bagi mewujudkan sebuah negara yang bebas dan bermanusiawi. Persekutaran media di Malaysia, sebagaimana disebut dalam pengenalan artikel ini memerlukan wartawan berpegang kepada satu garis panduan etika bagi memandu

memandu wartawan melaksanakan dan membuat keputusan dalam kerjaya. Etika bukan sahaja sebagai satu garis panduan kerjaya, malah berguna sebagai satu bentuk gambaran kepada tugas dan hak oleh kumpulan-kumpulan, badan atau organisasi pemberitaan di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Dengan adanya etika sebagai rangka rujuk dalam kerjaya mampu memandu wartawan untuk bergerak secara positif dan mengelak daripada dipengaruhi oleh persekitaran yang akan menggugat peranan dan tanggungjawab mereka selain mengelak diri dari memanipulasi dan dimanipulasi oleh persekitaran kerjaya.

Kerjaya kewartawanan tidak hanya sekadar melapor, menganalisis atau menyiasat sesuatu untuk menghasilkan berita, tetapi turut memerlukan para wartawan menepati etika dan tanggungjawab dalam profesion tersebut sekaligus memenuhi makna kerjaya kewartawanan itu sendiri. Jay Black (1998) menyatakan, kod etika kewartawanan dapat membantu wartawan mengenal pasti banyak masalah dan menyedarkan wartawan bahawa tugas mereka adalah bertanggungjawab terhadap penulisan dan laporan yang dibuat, selain mengingatkan wartawan supaya sentiasa berwaspada terhadap tekanan yang akan akhirnya melenyapkan kebebasan akhbar. Namun, bagi Goodwin (1987) bukan mudah untuk membuat semua wartawan menghayati etika dan tidak semua berminat terhadap persoalan ini. Selagi wartawan tidak menganggap persoalan dan teori etika sebagai suatu hal yang penting, maka selagi itulah kes-kes perlanggaran moral dalam pelaporan berita akan terus berlaku dan ini pasti menurunkan tahap profesionalisme seorang wartawan.

Masih terdapat wartawan yang tidak tahu kewujudan etika kewartawanan dalam dunia pemberitaan di Malaysia (Faridah & Mus Chairil, 2000). Kurangnya kesedaran serta pengabaian etika kewartawanan dalam kalangan wartawan akan menyumbang kepada pelbagai masalah sosial termasuklah keruntuhan nilai-nilai moral yang membolehkan berlakunya perbuatan yang menyalahi profesion itu sendiri seperti tidak bertanggungjawab, tidak objektif dalam melaporkan kebenaran, plagiat, fitnah dan mementingkan diri melebihi kepentingan awam. Kesan negatif yang diterima tentunya bukan sahaja oleh individu atau wartawan itu sendiri malah akan terpalit juga kepada organisasi media, badan berkaitan kerjaya kewartawanan dan juga masyarakat serta negara.

Cabarannya kewartawanan menjadi semakin getir dengan perkembangan pesat teknologi digital media dan komunikasi yang telah mengubah secara langsung landskap dunia pemberitaan dan kewartawanan. Wartawan yang sememangnya sentiasa dikaitkan dengan kecepatan penyampaian fakta kini berhadapan cabaran yang sangat berat untuk terus relevan dalam era revolusi industri 4.0 atau era dunia moden.

Lee, Siti Suraini dan Liana (2021) menyebut dunia kewartawan di Malaysia berhadapan dengan tekanan besar iaitu penularan fenomena globalisasi, perkembangan teknologi komunikasi dan kemunculan mendadak portal berita alternatif dari dalam maupun luar negara yang telah memunculkan persaingan sengit dalam dunia kewartawanan dan pemberitaan negara.

Selain itu, kehadiran teknologi pintar telah sedikit sebanyak mengubah ekosistem ekonomi dan sosial bidang kewartawanan. Rutin kewartawanan perlu bergerak lebih cepat dengan mengguna pakai kesemua medium media atau platform yang ada dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Bagi Phillips (2010), perkembangan dunia teknologi media telah melahirkan kewartawanan dalam talian yang turut menjadikan etika semakin sukar untuk dihormati dan dipraktikkan. Harcup (2007) menyatakan bahawa wartawan berkemungkinan untuk mendapatkan sesuatu yang salah atau berkelakuan tidak masuk akal apabila mereka dinafikan waktu dan ruang yang diperlukan sebagaimana keadaan teknologi komunikasi masa kini yang memerlukan berita dikeluarkan dengan segera dan pantas. Bukan itu sahaja, wartawan juga perlu menulis berita dengan banyak sehingga berlakunya dilema dalam pekerjaan kerana berdepan dengan isu kekurangan masa untuk melakukan analisis, menulis serta menyemak berita yang dikeluarkan (Yesudhasan, 2000). Selain itu, isu berkaitan kawalan, kewangan dan “ratings” juga sukar diketepikan dalam industri pemberitaan. Situasi begini tentunya memerlukan wartawan untuk memegang kukuh kepada profesionalisme dan tata kerja yang beretika.

Untuk itu, bagi memastikan para wartawan melaksanakan tugas secara profesional, satu mekanisme yang berbentuk panduan standard untuk diamalkan perlu diwujudkan. Di Malaysia, suatu bentuk kod etika media massa yang menyeluruh belum dibentuk. Walau bagaimanapun, wujud usaha ke arahnya apabila pada tahun 1989, etika kewartawanan Malaysia diumumkan dengan dua versi, iaitu yang dibentuk oleh Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJM) yang digelar sebagai Kod Perilaku Profesional. Manakala oleh *Organization for Newspapers Editors* (ONE) dan *Malaysian Press Institute* (MPI) dipanggil sebagai Tatasusila Kewartawanan Malaysia (EKM). Kedua-dua kod etika ini bukan suatu dokumen undang-undang dan ia tidak mengikat wartawan untuk menurutnya tetapi lebih bersifat sukarela. Etika mengandungi ciri-ciri murni yang harus diamalkan dengan rasa tanggungjawab dan jujur pada diri. Pada kod etika mengandungi tugas serta tanggungjawab wartawan kepada rakyat dan negaranya. Selain itu, kod etika turut mewakili persekitaran sosiobudaya, politik negara, agama serta kepercayaan masyarakat yang diwakili (Akoje & Mohd Helmi, 2014).

Harcup (2007) mengatakan pentingnya etika kewartawanan sebagai satu yang oxymoron. Etika bukan sekadar garis panduan kepada diri dalam melaksanakan tugas semata-mata, tetapi outputnya adalah untuk kesejahteraan khalayak dan masyarakat yang diwakilinya. Ia mengajar wartawan menjadi pengamal media yang reflektif, di mana pertimbangan yang wajar harus diambil dalam setiap peringkat proses kerja pemberitaan. Ini tentu akan melibatkan proses pembelajaran yang berterusan kepada wartawan.

Hakikatnya tantangan kepada amalan etika kewartawanan juga boleh berlaku kerana penginterpretasian kod etika yang berbeza-beza dalam kalangan individu wartawan sendiri. Ini mudah terjadi kerana tiada badan bertanggungjawab yang memantau dan mengawasi standard kewartawanan. Tan Sri A. Samad Ismail, dalam Seminar Kebangsaan Etika dalam Penulisan dan Kewartawanan (1995) mengatakan,

“Walaupun ada kod etika yang *standard*, namun ada kalanya kod etika yang berlaku dan terpakai dalam sesbuah akhbar ialah etika yang dirumuskan oleh pengarang sendiri, bergantung kepada pengalaman, nilai peribadi, tanggapan, dan *priorities* pengarang. Dan pengarang sebagai manusia tentu pula mempunyai *prejudicenya* sendiri, kecenderungannya sendiri, nilai dan pandangan hidupnya sendiri.” (hlm. 11-12).

Bidang kewartawanan negara yang bermula sejak 1806 tidak mempunyai kod etika yang seragam serta yang benar-benar diterapkan dalam diri setiap orang yang bergelar wartawan. Setiap syarikat media juga memiliki garis panduan tersendiri untuk dipraktikkan oleh warganya. Hal inilah yang menyebabkan perlunya usaha untuk meneliti secara mendalam tentang pemahaman para wartawan terhadap etika, selain kegunaan etika dalam kerjaya dan elemen yang penting pada etika kewartawanan di Malaysia.

Suasana pemberitaan dan kewartawanan di Malaysia turut diterpa dengan hal-hal yang negatif apabila wujudnya perlanggaran akta oleh wartawan dan adanya aduan oleh masyarakat yang meragui profesion ini sehingga memberikan reputasi yang kurang baik kepada kewartawanan negara (Nor Adzrah, Suria Hani & Fauziah, 2012). Suara-suara yang meragui kredibiliti wartawan di Malaysia sudah lama kedengaran, apatah lagi dikaitkan dengan berita-berita politik negara dengan anggapan setiap surat khabar adalah penyebar berita kerajaan (Bernama, 16 Oktober 2019). Media yang merupakan sebuah industri tentunya tidak dapat lari dari memikirkan soal keuntungan dan bagi Geetali (2020), media memberikan tumpuan yang tinggi kepada margin keuntungan, laporan berita sensasi yang bertujuan menarik audien, liputan yang tidak menyeluruh terhadap isu-isu penting, ketidakaktepatan dalam laporan dan maklumat kepada audiens merupakan antara masalah semasa yang menjadi isu etika dalam dunia kewartawanan.

Sememangnya dengan ketinggian etika kerjaya dalam diri wartawan akan memberikan manfaat bukan sahaja kepada warga kerjaya ini malah akan menyebarluaskan pengaruh yang baik kepada masyarakat dan negara. Selain itu, kerjaya wartawan juga akan lebih dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat sekiranya wujud satu garis panduan kerjaya yang jelas dan diterima pakai oleh semua. Pembentukan kod etika kewartawanan Malaysia, 1989 merupakan titik tolak kepada usaha memartabatkan kerjaya wartawan ke tahap profesional. Segalanya perlu bermula dalam diri wartawan itu sendiri. Apakah pemahaman wartawan terhadap etika? Apakah kegunaan dan kepentingan etika dalam kerjaya? Apakah penerimaan wartawan terhadap etika kewartawanan Malaysia? Apakah elemen utama yang perlu ada pada etika kewartawanan di Malaysia? Persoalan ini perlu dijawab terlebih dahulu oleh wartawan bagi mendapatkan maklumat tentang konsep etika yang diterima pakai oleh wartawan serta kepentingan etika kewartawanan dalam kerjaya. Ini membolehkan tindakan yang bersesuaian dirangka untuk meningkatkan tahap etika wartawan di Malaysia dan dalam masa yang sama dapat memartabatkan profesion kewartawanan di mata masyarakat.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah tinjauan soal selidik kepada wartawan akhbar berbahasa Melayu dan temu bual mendalam bersama pengamal media dari akhbar yang sama. Gabungan pendekatan kajian iaitu kuantitatif sebagai yang utama (soal selidik) dan kualitatif (temu bual mendalam) ini digunakan untuk mengukuhkan dapatan kajian. Gabungan ini berupaya untuk menyiasat secara empirikal dan verbatim melalui bukti yang boleh diukur daripada hasil kaedah soal selidik berserta kaedah temubual bagi memahami konsep etika dan kegunaan EKM dalam kerjaya wartawan di Malaysia. Mohamad Zahir, Roziah & Mohd Fauzi (2016) menerangkan bahawa kaedah gabungan merupakan kajian bersifat sistematik melibatkan data kuantitatif dan kualitatif dengan penggunaan data yang lebih lengkap berbanding memisahkan dan menganalisis data secara terasingan.

Kajian ini tidak melibatkan pemerhatian terhadap tingkah laku dan tindakan wartawan secara mendalam, tetapi hanya akan meliputi dan mengukur sikap melalui pandangan wartawan berdasarkan set soalan pada borang soal selidik yang diedarkan dan soalan temu bual bersama pengamal media terpilih. Selain itu, kajian ini mengambil etika kewartawanan yang diperkenalkan oleh ONE dan MPI sebagai asas kepada kajian memahami etika dan kegunaan kod etika kewartawanan oleh wartawan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia.

Kaedah persampelan berkelompok secara rawak mudah digunakan dengan memberikan tumpuan kepada wartawan daripada lima akhbar berbahasa Melayu yang utama di Malaysia iaitu Utusan Malaysia dan Kosmo! (sebelum 9 Oktober 2019 iaitu di bawah pengurusan *Utusan Melayu* (Malaysia) Berhad), *Berita Harian*, *Harian Metro*, dan *Sinar Harian*. Selain edaran kelima-lima akhbar ini tinggi dalam kategorinya, pemilihan dilakukan kerana akhbar ini bersifat harian, diedarkan secara meluas di hampir seluruh Malaysia dan mempunyai sejarah penubuhan yang panjang serta mampu bertahan sehingga kini. Memandangkan tiada data yang jelas berkaitan jumlah wartawan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia, maka melalui edaran borang soal selidik kepada wartawan di lima akhbar berbahasa Melayu ini akan meningkatkan jumlah generalisasi kepada populasi. Ini kerana hampir kesemua akhbar utama berbahasa Melayu di Malaysia dipilih untuk diselidiki. Sebanyak 272 borang soal selidik berjaya dikumpulkan di lima akhbar berbahasa Melayu dari 350 borang soal selidik yang diedarkan.

Bagi menjayakan kaedah temu bual, sebanyak enam orang pengamal media daripada lima organisasi akhbar kajian dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pemilihan responden dianggap bersesuaian apabila data berada pada tahap tepu atau *redundancy* dan memenuhi objektif kajian. Selain kedudukan responden sebagai antara pembuat keputusan di organisasi akhbar kajian, mereka juga bertanggungjawab terhadap perjalanan di bilik berita dan memahami tugas serta peranan seorang wartawan. Hal ini berpotensi untuk meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki dalam kajian ini.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Perbincangan dapatan kajian akan dimulakan dengan mengemukakan data latar belakang responden kajian diikuti dengan penggunaan kod etika dalam kerjaya dan elemen utama pada EKM. Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk berturutan, bermula dengan data soal selidik yang disampaikan dalam bentuk jadual dan penerangan secara deskriptif, diikuti dengan data temu bual yang disampaikan dalam gaya analisis, iaitu dengan membahaskan sesuatu fakta, ditambah dengan sokongan petikan langsung daripada temu bual bersama enam responden kajian.

#### 4.1 Latar Belakang Responden Kajian

**Jadual 1:** Latar Belakang Responden bagi Soal Selidik ke atas akhbar berbahasa Melayu

| Profil Responden  | Kekerapan                   | Peratus (%)                       |
|---|-----------------------------|-----------------------------------|
| Jantina<br>Lelaki<br>Perempuan  | 120<br>152                  | 44.1<br>55.9                      |
| Umur<br>di bawah 24 tahun<br>25-34<br>35-44<br>45-55  | 18<br>182<br>62<br>10       | 6.6<br>66.9<br>22.8<br>3.7        |
| Pendidikan<br>SPM/STPM<br>Sijil<br>Diploma<br>Ijazah<br>Sarjana/PHD   | 14<br>3<br>90<br>157<br>8   | 5.1<br>1.1<br>33.1<br>57.7<br>2.9 |
| Pengalaman menjadi wartawan<br>Kurang daripada 1 tahun<br>1 hingga 4 tahun<br>5 hingga 10 tahun<br>11 hingga 14 tahun<br>15 tahun ke atas | 9<br>105<br>112<br>25<br>21 | 3.3<br>38.6<br>41.2<br>9.2<br>7.7 |

**Jadual 2:** Latar Belakang Responden bagi Temu Bual Mendalam

| No | RESPONDEN KAJIAN | Jawatan                       | Jantina   |
|----|------------------|-------------------------------|-----------|
| 1. | Responden A      | Penasihat Eksekutif Editorial | Lelaki    |
| 2. | Responden B      | Timbalan Editor Kumpulan      | Lelaki    |
| 3. | Responden C      | Penolong Pengarang Berita     | Lelaki    |
| 4. | Responden D      | Editor Kanan Berita           | Perempuan |
| 5. | Responden E      | Editor Edisi                  | Lelaki    |
| 6. | Responden F      | Editor Berita                 | Lelaki    |

Data yang dikemukakan pada kajian ini adalah daripada dapatan kajian ke atas 272 wartawan daripada akhbar berbahasa Melayu yang terdiri daripada 55.9% (152) wartawan perempuan dan selebihnya iaitu 44.1% (120) adalah wartawan lelaki yang berumur antara 20 hingga 55 tahun. Rata-rata responden adalah berpendidikan ijazah sarjana muda iaitu sebanyak 57.7% (157 orang) diikuti pemegang diploma 33.1% (90 orang), SPM/STPM 5.1% (14 orang), Sarjana atau Doktor Falsafah (PhD) sebanyak 2.9% (8 orang), dan sijil sebanyak 1.1% (3 orang). Dari segi pengalaman bekerja, kebanyakan responden berpengalaman antara 5 ke 10 tahun iaitu sebanyak 41.2% (112 orang) diikuti oleh 1 ke 4 tahun pengalaman kerja iaitu sebanyak 38.6% (105 orang), 11-14 tahun sebanyak 9.2% (25 orang), 15 tahun ke atas sebanyak 7.7% (21 orang) dan akhir sekali kurang dari satu tahun pengalaman bekerja iaitu sebanyak 33% (9 orang) wartawan.

Manakala bagi responden temu bual mendalam pula, seramai enam orang terpilih dan mereka semua adalah daripada kalangan kakitangan di organisasi akhbar kajian. Responden yang dipilih masing-masing berjawatan sebagai Penasihat Eksekutif Editorial, Timbalan Editor Kumpulan, Penolong Pengarang Berita, Editor Kanan Berita, Editor Berita dan Editor Edisi.

#### **4.2 Kegunaan Kod Etika kepada Kerjaya**

Data kajian rata-rata menunjukkan keputusan yang positif terhadap penggunaan etika dalam kerjaya. Jadual 3 jelas menunjukkan bahawa wartawan kajian majoriti menggunapakai kod etika dalam kerjaya iaitu sebanyak 85.3% (232 orang) dan hanya 5.5% (15 orang) yang memilih tidak menggunapakai mana-mana kod etika, selebihnya ialah sebanyak 9.2% (25 orang) wartawan menyatakan tidak pasti. Dapatan yang sama diperolehi apabila sebanyak 94.1% (256 orang) bersetuju wartawan perlu untuk menghayati dan mematuhi kod etika manakala 83.8% (228 orang) mengakui bahawa kod etika berguna sebagai panduan dalam kerjaya.

Dari jumlah wartawan yang menggunapakai kod etika dalam kerjaya, sebanyak 75.4% (205 orang) mengetahui tentang adanya EKM dan sebanyak 72.4% (197 orang) faham kandungan EKM dan menggunakaninya. Manakala sebanyak 71% (193 orang) mengakui bahawa EKM membantu membuat keputusan dalam kerjaya.

**Jadual 3:** Taburan Wartawan Mengikut Kegunaan Etika dan EKM

| <b>Penggunaan Etika kewartawanan</b> |   | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratus</b> |
|--------------------------------------|---|------------------|----------------|
| 1.                                   | Menggunakan mana-mana kod etika                           |                  |                |
| Ya                                   |   | 232              | 85.3           |
| Tidak                                |   | 15               | 5.5            |
| Tidak pasti                          |   | 25               | 9.2            |
| Total                                |   | 272              | 100.0          |
| 2.                                   | Keperluan untuk menghayati dan mematuhi kod etika         |                  |                |
| Ya                                   |   | 256              | 94.1           |
| Tidak                                |   | 11               | 4.0            |
| Tidak pasti                          |   | 5                | 1.8            |
| Total                                |   | 272              | 100.0          |
| 3.                                   | Kod etika yang ada membantu sebagai panduan dalam kerjaya |                  |                |
| Ya                                   |   | 228              | 83.8           |
| Tidak                                |   | 38               | 14.0           |
| Tidak pasti                          |   | 6                | 2.2            |
| Total                                |   | 272              | 100.0          |
| 4.                                   | Mengetahui EKM  |                  |                |
| Ya                                   |   | 205              | 75.4           |
| Tidak                                |   | 67               | 24.6           |
| Total                                |   | 272              | 100.0          |
| 5.                                   | Faham EKM   |                  |                |
| Ya                                   |   | 197              | 72.4           |
| Tidak                                |   | 8                | 2.9            |
| Tidak perlu menjawab                 |   | 67               | 24.6           |
| Total                                |   | 272              | 100.0          |
| 6.                                   | Menggunakan EKM   |                  |                |
| Ya                                   |   | 197              | 72.4           |
| Tidak                                |   | 8                | 2.9            |
| Tidak perlu menjawab                 |   | 67               | 24.6           |
| Total                                |   | 272              | 100.0          |
| 7.                                   | EKM Bantu Buat Keputusan                                  |                  |                |
| Ya                                   |   | 193              | 71.0           |
| Tidak                                |   | 12               | 4.4            |
| Tidak perlu menjawab                 |   | 67               | 24.6           |
| Total                                |   | 272              | 100.0          |

Hal ini selari dengan kenyataan yang diperoleh daripada responden yang ditemui bual yang mengakui wartawan tahu mengenai etika dan kepentingan untuk diperlakukan dalam kerjaya. Jelas bahawa etika merupakan elemen penting dalam kerjaya wartawan dan dianggap sebagai suatu perkara asas yang harus menjadi pegangan kerana ia boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam tugas kewartawanan mereka. EKM juga dalam masa yang sama memberikan satu garis asas dalam menentukan sempadan kerjaya wartawan itu sendiri, terutama bagi wartawan yang baru memulakan kerjaya. Hal ini dapat ditunjukkan melalui kenyataan oleh pengamal media yang ditemui bual.

"Secara *common sense* setiap wartawan tahu etika, garis panduan serta tahap masing-masing dalam tugas yang diberi...Etika yang sedia ada memang sudah diguna pakai oleh semua (wartawan)". (Responden E)

"Itu adalah satu perkara asas dalam kewartawanan. Tanpa etika kewartawanan semua sumber yang ada akan jadi berita, tapi dari segi tapisan berita, etika itu penting supaya apa yang kita laporan atau siarkan benar-benar mencapai maksud berita itu sendiri."

"...Secara keseluruhannya, semua wartawan yang terbabit dalam industri tahu juga tentang etika. Perlu tahu *at least basic*, tahu tentang etika. Contohnya, laporan yang benar, yang dari segi asas laporan berita, sumber, kesahihan. Secara keseluruhannya, kita semua pakai". (Responden F)

"Yang berkait dengan etika ini, benda itu kita buat *everyday*, kalau kita buat berita memanglah maklumat betul, yang sahih. Benda yang kita buat *everyday*". (Responden D)

"Kalau belajar *mass comm* memang dah tahu etika secara *general*, kalau dari bidang lain, kita (pengurusan) akan bagi lebih. Sama dengan wartawan organisasi lain, etika kita mesti pertamanya, memastikan fakta betul, perlu memastikan benda itu *genuine*". (Responden C)

Walaupun mereka mengakui bahawa etika kewartawanan bukanlah suatu yang asing, namun pengetahuan serta penggunaan EKM yang diperkenalkan pada tahun 1989 masih belum menyeluruh dan ini jelas melalui data yang dikemukakan iaitu sebanyak 24.6% (67 orang) daripada jumlah responden kajian tidak mengetahui mengenai etika yang diperkenalkan oleh *Organization for Newspapers Editors* (ONE) dan *Malaysian Press Institute* (MPI) sedangkan menurut Chamil Wariya (2011), terdapat banyak pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) media dan organisasi media yang utama menyatakan sokongan terhadap EKM.

Pengamal media yang ditemu bual turut mempercayai bahawa ada segelintir wartawan yang tidak mengetahui kewujudan EKM. Hal ini terjadi disebabkan oleh beberapa perkara seperti tiada penguatkuasaan dijalankan, kod etika tersebut dikatakan sudah lama, tiada usaha untuk menaiktaraf etika sesuai dengan situasi semasa, sikap wartawan sendiri yang dikatakan kurang peka serta tidak ambil kisah adalah antara penyebab perkara sebegini boleh berlaku. Berikut merupakan kenyataan yang dikeluarkan oleh responden mengenai pengetahuan wartawan tentang EKM.

“Sesetengah wartawan kita tak tahu etika yang wujud tu. Etika yang MPI, Datuk Chamil Wariya usahakan sebab mereka *take it for granted*. Masuk saja bekerja, tak perlu etika, dan etika itu senang aje, *based on the truth*. Tapi kebanyakan wartawan kita, saya ingat cuma tak tahu etika itu (yang dimaksudnya ialah EKM)”. (Responden A)

“Memang banyak yang tak tahu tentang kod ini. *That is basic*, wartawan patut tahu, macam di Malaysia, kalau nak jadi warga negara Malaysia kena tahu Rukun Negara tapi apa yang mereka tahu? even makna pun tak tahu. Untuk pendidikan, utk menjadi seorang wartawan, kena dedahkan kepada the basic things tentang kod etika. Kemudian bila dah masuk dunia pekerjaan, you *apply lah*”. (Responden B)

“Tahu secara spesifik itu tak ada kecuali pergi kursus kewartawanan MPI. *In real life*, benda itu kadang-kala tak praktikal”. (Responden C)

“Saya pun tak berapa ingat tentang tu (EKM). Tahu tentang kewujudan etika (EKM) tapi tak taulah isinya.” (Responden F)

“Kalau *you* belajar di dalam bidang berkaitan, *you* mestilah tahu (EKM). Macam saya, tahu tapi dah tak ingat dah benda itu (EKM), dah lama dah. Masa kita belajar benda itu (EKM) adalah. Benda itu memang praktik everyday kepada saya”. (Responden D)

Namun, tidak mengetahui tentang EKM bukan bererti wartawan tidak beretika dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka. Ini kerana makna serta pengetahuan berkaitan etika juga boleh muncul daripada dorongan pelbagai sumber termasuklah pengalaman sendiri, gatekeeper, peraturan yang ada dan juga pengetahuan dalam membezakan antara yang baik dengan yang buruk, seperti kenyataan para responden berikut.

“*We goes by* ini tak boleh, ini boleh...because ada benda yang kita tahu. *You* tak boleh main dengan fakta. Fakta must be correct. Tak ada fakta kita tak siar. Itu contohlah...Selain pengalaman, reporter akan diberitahu. *Story* yang dibuat, editor akan *check*, betul atau tidak, faktanya kena tepat dan betul. Dari segi kod, tak ada. Kita kena tengok benda-benda itulah dan dia sentiasa berubah. So kita kenalah lebih berhati-hati dan berjaga-jaga”. (Responden B)

“Pengetahuan etika itu selain dipelajari, pengalaman juga banyak main peranan. Sumber benar atau tidak, rekaan dan sebagainya, nak disensasi atau tidak. Dari segi gambar, ada juga etika. Macam gambar kemalangan, mangsa cedera parah. Dari segi etika, ianya tak bertulis tapi kita tak siarkan gambar kecederaan parah. Muka ditutup. Ianya tak tertulis tapi kita tahu... Asasnya dari *environtment* dan peraturan kerajaan sendiri tetapkan. Kalau gambar yang nampak kejam... kita tak siarkan. (Responden F).

“Mengamalkan pendekatan sendiri (etika). Garis panduan tak dikeluarkan, etika secara *general*”. (Responden C)

“Pada saya etika hanya sebagai panduan. Itu sahaja. Tapi bila *you* ada dalam bidang ini, kalau dah sedar tanggungjawab dekat sini, etika taklah penting sangat. Pengalaman menjadikan kita seorang yang ada integriti. Yang penting integriti, bukan boleh dibentuk begitu saja, ia dalaman yang dibentuk dari pendidikan agama, pendidikan kita, ibu bapa, dari *environtment*, benda itu pengaruhi kita, ia dari dalam diri”. (Responden D)

Wartawan menjalankan tugas serta tanggungjawab kerjaya secara beretika dan makna serta penggunaan etika itu walaupun bukan seragam namun sebagai wartawan yang bertanggungjawab, mereka tetap memastikan wujud pertimbangan yang sewajarnya dalam menentukan tindakan yang berkaitan dengan tugas dalam kerjaya mereka.

Ramai wartawan yang menjadikan EKM sebagai panduan asas kerjaya. Namun bagi yang tidak mengetahui dan tidak mengguna pakai EKM tetap melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab melalui pertimbangan sendiri yang hadir daripada pelbagai sumber sama ada pendidikan, pengalaman sehari-hari, persekitaran hidup dan kerjaya serta tunjuk ajar daripada orang yang berpengalaman. Zin Mahmud (2019) menyatakan bahawa bidang kewartawanan mempunyai tradisi, disiplin, ethos, budaya yang panjang dan mendalam yang diwarisi dari generasi ke generasi melalui latihan, didikan, disiplin serta pengalaman. Oleh itu, tradisi keilmuan yang terbina ini meletakkan wartawan dalam garis nilai-nilai yang positif selari dengan profesi mereka.

### 4.3 Pematuhan terhadap perkara dalam EKM

**Jadual 4:** Taburan responden kajian mengikut perkara pada EKM

| Penyataan/Item |   |   |            |              | Skala         |               |               |      |      |               |
|----------------|---|---|------------|--------------|---------------|---------------|---------------|------|------|---------------|
| Proses Program |   | 1 | 2          | 3            | 4             | 5             | Jum           | Min  | SP   | Tahap         |
| 1.             | ...melaporkan kebenaran kerana masyarakat perlu diberikan maklumat yang benar.  | 0 | 0          | 0.7<br>(2)   | 48.5<br>(132) | 50.7<br>(138) | 99.2<br>(270) | 4.50 | .515 | Sangat Tinggi |
| 2.             | ...bebas memungut dan menyiarkan berita secara jujur bersesuaian dengan prinsip dan semangat Rukun Negara.                                | 0 | 0.4<br>(1) | 1.8<br>(32)  | 50.7<br>(138) | 37.1<br>(101) | 87.8<br>(239) | 4.25 | .667 | Sangat Tinggi |
| 3.             | ...bebas untuk membuat ulasan dan memberikan kritikan yang membina dan saksama berlandaskan prinsip dan semangat Rukun Negara.            | 0 | 1.8<br>(5) | 14.3<br>(39) | 50.7<br>(138) | 33.1<br>(90)  | 83.8<br>(228) | 4.15 | .726 | Tinggi        |
| 4.             | ...boleh menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan berita tetapi perlu dengan cara yang wajar dan memikirkan kepentingan orang ramai.   | 0 | 0          | 1.8<br>(5)   | 58.8<br>(160) | 39.3<br>(107) | 98.1<br>(267) | 4.38 | .522 | Sangat Tinggi |
| 5.             | ...bertanggungjawab untuk membetulkan kesilapan dalam laporan dengan segera.  | 0 | 0          | 2.6<br>(7)   | 51.1<br>(139) | 46.3<br>(126) | 97.4<br>(265) | 4.44 | .547 | Sangat Tinggi |
| 6.             | ...menghormati kerahsiaan sumber berita.  | 0 | 0          | 0.4<br>(1)   | 47.4<br>(129) | 52.2<br>(142) | 99.6<br>(271) | 4.52 | .508 | Sangat Tinggi |
| 7.             | ...menjaga kesopanan dan tertib dalam perlakuan ketika bertugas.  | 0 | 0          | 0            | 50.0<br>(136) | 50.0<br>(136) | 100<br>(272)  | 4.50 | .501 | Sangat Tinggi |
| 8.             | ...mengelak daripada melakukan plagiat, fitnah dan menghasut serta menolak sebarang bentuk rasuah.  | 0 | 0          | 1.8<br>(5)   | 48.5<br>(132) | 49.6<br>(135) | 98.1<br>(267) | 4.48 | .536 | Sangat Tinggi |
| 9.             | ...mengelak daripada melaporkan sesuatu yang bersifat perkauman, melampau atau bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia. | 0 | 0          | 1.5<br>(4)   | 47.8<br>(130) | 50.4<br>(137) | 98.2<br>(267) | 4.48 | .569 | Sangat Tinggi |
| 10.            | ...memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkait dengan profesion kewartawanan.  | 0 | 0          | 1.8<br>(5)   | 53.5<br>(145) | 44.5<br>(121) | 98<br>(266)   | 4.42 | .570 | Sangat Tinggi |
| 1.             | Sangat tidak setuju, 2 Tidak setuju, 3 Kurang setuju, 4 Setuju, 5 Sangat setuju   |   |            |              |               |               |               |      |      |               |

Kesepuluh perkara yang ditanya dalam Jadual 4 adalah berkait rapat dengan lapan perkara yang tersenarai dalam EKM. Hasil kajian mendapati hampir kesemua perkara berada pada tahap pemilihan yang sangat tinggi iaitu min antara 4.42 sehingga min 4.50 dan hanya satu item sahaja yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.15.

Hasil dapatkan ini menunjukkan bahawa soal menjaga kesopanan dan tertib dalam perlakuan ketika bertugas menjadi pilihan yang utama bagi kesemua responden (272) yang mengakui mengamalkannya. Ini diikuti perkara menghormati kerahsiaan sumber, 99.6% (271) sebagai yang kedua, perkara melaporkan kebenaran 99.2% (270) sebagai pilihan ketiga, perkara mengelak daripada melaporkan sesuatu yang bersifat perkauman, melampau atau bertentangan dengan tatussila masyarakat majmuk Malaysia, 98.2% (267) sebagai pilihan keempat, dan kelima ialah perkara mengelak daripada melakukan plagiat, fitnah dan menghasut serta menolak sebarang bentuk rasuah iaitu sebanyak 98.1% (267). Berkongsi kedudukan yang sama ialah perkara boleh menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan berita tetapi perlu wajar dan memikirkan kepentingan orang ramai sebanyak 98.1% (267).

Pilihan ketujuh ialah perkara memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkait dengan profesion kewartawanan, iaitu sebanyak 98% (266), diikuti bertanggungjawab untuk membetulkan kesilapan dalam laporan dengan segera 97.4% (265) sebagai pilihan kelapan tertinggi. Seterusnya, perkara bebas memungut dan menyiaran berita secara jujur bersesuaian dengan prinsip dan semangat Rukun Negara sebagai pilihan kesembilan tertinggi iaitu sebanyak 87.8% (239) dan akhir sekali, perkara bebas untuk membuat ulasan dan memberikan kritikan yang membina serta saksama berlandaskan prinsip dan semangat Rukun Negara iaitu sebanyak 83.8% (228).

Berdasarkan temu bual yang dijalankan dalam kalangan pengamal media berkaitan etika menunjukkan hampir kesemuanya menyentuh perkara berkaitan melaporkan kebenaran dan mengelak daripada pelaporan yang mempunyai unsur fitnah serta pelaporan yang boleh menimbulkan konflik dan bertentangan dengan tatussila masyarakat Malaysia yang majmuk. Isu seperti agama, kaum, institusi raja dan perlembagaan perlu sentiasa di jaga dan kemakmuran masyarakat berbilang kaum di Malaysia wajib dipelihara. Hal ini dikongsikan oleh para responden melalui kenyataan yang dikeluarkan antaranya adalah seperti berikut:

“Pertama, perlu tahu apa yang patut atau boleh ditulis dan apa yang tidak patut ditulis. Apa yang patut you tulis dengan bagus dan sebaliknya. Contohnya you tidak boleh tulis dengan konflik agama. Malaysia ni memang tak boleh. Kaum, tentang perlembagaan, *others than that*, ok lah”. (Responden B)

“Etika itu senang saja, *based on the truth*. Kalau tak ikut etika, akan sebarkan fitnah lebih banyak daripada fakta. *It will ruin journalism*. Kena ikut etika dan etika itu ada lapan perkara yang dikatakan tu”. (Responden A)

“Nak release berita tu kita kena *alert*, jangan sentuh institusi raja, perkauman, agama. Tiga perkara ini perlu dijaga. Dan tugas kita memang berhadapan dengan benda ini setiap masa. Kita memang terikat dengan perkara ini dan bila kaitkan dengan etika, kena jaga perkara tersebut. Kalau etika, inilah perkara yang kita kena jaga”. (Responden E)

“Pada saya seorang wartawan tanggungjawabnya lebih kepada perlembagaan negara. Kita pegang itu, apa-apa *reporting, story, news* kita berlandaskan kepada perlembagaan. *Simple as that*, kita mempertahankan perlembagaan”. (Responden D)

“Laporan berita semuanya mesti berasaskan daripada sumber yang ada perakuan dan sumber yang jelas... Dalam keadaan sekarang, setiap berita yang dilaporkan adalah yang benar-benar berlaku. Kalau tak benar, itu fitnah dan boleh terdedah kepada saman”. (Responden F).

Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa wartawan di Malaysia mengamalkan perkara-perkara yang tercatat pada EKM. Sememangnya apa-apa yang terkandung pada EKM bukan hanya meliputi prinsip-prinsip asas sebuah etika yang mengandungi nilai murni seperti melaporkan kebenaran, adil dan saksama, menghormati sumber berita, mengelak daripada perbuatan menghasut, plagiat, memfitnah, tetapi juga kandungan EKM berakar dan mewakili sistem serta persekitaran sosio budaya, agama dan politik negara Malaysia. Perkara pada EKM seperti menggunakan cara yang wajar untuk memperoleh berita, memahami undang-undang dan peraturan negara, menghindari berita bersifat perkauman, dan melampau dicipta bersesuaian dengan persekitaran masyarakat majmuk di Malaysia dan inilah perkara atau ciri-ciri khusus yang membezakan EKM dengan kod etika di negara-negara lain.

Seperti yang dinyatakan oleh Babran & Ataherian (2019), wujud hubungan langsung antara kod etika dengan nilai serta norma sesebuah masyarakat atau budaya. Kewartawanan di setiap negara adalah berbeza disebabkan perbezaan ideologi, kepentingan nasional, politik, dan sosio budaya (McQuail, 2010; Topic Peremobowi Akoje & Mohd Helmi, 2014) yang menjadikan wujud ciri-ciri khusus mewakili setiap negara. Etika yang dipilih oleh wartawan nyata bersesuaian dengan sistem dan peranan media di Malaysia yang menyokong usaha-usaha pembangunan negara dan memupuk keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini.

## Kesimpulan

Wartawan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia bertugas dengan memegang kepada etika kewartawanan yang ada. Hasil kajian mendapati para wartawan semakin menerima, faham dan mengakui kepentingan EKM kepada diri sendiri dan terhadap kerjaya sebagai wartawan. Walaupun terdapat segelintir yang tidak tahu atau selama ini tidak mengendahkan EKM, namun secara prinsipnya amalan etika, mereka tetap sealiran dengan perkara-perkara yang dikemukakan EKM. Hal ini demikian kerana wartawan sudah sedia berada dalam ruang lingkup kerjaya yang berpaksikan kepada etika sejagat. Pada prinsip kewartawanan sudah ada nilai baik serta benar dan EKM menyempurnakan lagi prinsip dan nilai kewartawanan bersesuaian dengan konteks negara Malaysia. Sama ada menjadikan EKM sebagai pegangan ataupun sekadar memegang erat prinsip etika sejagat, telah meletakkan diri wartawan pada tahap profesional seperti yang tertulis pada artikel akhbar bertajuk “Wartawan dan Perjuangan”, “wartawan profesional itu menonjolkan apa yang sepatutnya berpandukan kepada prinsip dan etika dalam menyampaikan maklumat yang diperlukan oleh masyarakat” (*Sinar Harian.com*; 29 Mei 2021).

Kajian ini menunjukkan bahawa wartawan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia mengakui kegunaan kod etika sebagai garis panduan dalam kerjaya dan sebagai satu kerangka dalam membataskan sebarang tindakan dan keputusan dalam tugasannya sebagai wartawan. Sungguhpun kajian ini hanya diperingkat kognitif atau pandangan wartawan terhadap etika, namun perkara yang dibina dalam minda wartawan akan memberikan nilai yang mempengaruhi sikap dan tindakan mereka dalam kerjaya. Ini pasti memberikan impak positif bukan hanya kepada nama kerjaya wartawan itu sendiri malah akan menyebarluaskan pengaruh yang baik terhadap kandungan berita dan masyarakat umumnya melalui pemberitaan yang lebih bertanggungjawab dan lengkap.

Pada EKM sudah terkandung nilai moral asas serta peranan wartawan yang mewakili sistem serta budaya di Malaysia. EKM perlu dimodifikasi sesuai zaman. Membangunkan semula etika kewartawanan yang ada tentunya memberikan nilai tambah kepada bidang kewartawanan negara disamping dapat membina semangat baru para pengamalnya untuk berdepan cabaran serta tekanan persekitaran akibat perubahan landskap teknologi media dan komunikasi semasa.

## Rujukan

- A Samad Ismail (1995). Etika Kewartawanan dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Etika dalam Penulisan dan Kewartawanan. 28-29 October. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya. hlm. 11-12.
- Akoje, T. P. & Mohd Helmi Abd Rahim, (2014). Development of journalism ethics: A comparative analysis of codes of ethics in Nigeria, United Kingdom, United States of America, India and Russia. *Jurnal Komunikasi*. 30(2), 221-238.
- Babran, S., & Ataherian, M. (2019). Professional ethics codes for global media. *International Journal of Ethics and Society*, 1 (2), 8-15.
- Bernama. (2019, 16 Oktober). Ke mana haluan media cetak di Malaysia? *Berita Harian Online* Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/618274/ke-mana-haluan-media-cetak-di-malaysia>
- Chamil Wariya. (2011). *Kod etika kewartawanan Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute (MPI)
- Faridah Ibrahim. (2015). Etika kewartawanan dan pengamalan dalam Islam. Dlm. Mohd Safar Hasim & Zulkiple Abd Ghani. *Komunikasi dan media dari perspektif Islam. Konsep dan amalan* (hlm. 160-175). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Ibrahim, Choong, K.E. & Ler, J.L., (2000). Profesionalisme dan wanita: Suatu perbandingan antara pengamal periklanan dan wartawan. *Jurnal Komunikasi*, 16, 177-197.

- Faridah Ibrahim, Mohd Rajib Ab Ghani & Mohd Adnan Hashim. 2000. Falsafah etika kewartawanan di Malaysia. Dlm. Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani. Etika kewartawanan. Edisi ke 2. Subang Jaya: F.A.R. Publishers. Hlm 1-33.
- Flanagin, A.J. & M.J. Metzger. (2000). Perception of internet information credibility. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 77 (3), 515 – 540.
- Frost, C. (2000). *Media ethics and self-regulation*. London: Longman Publishing Group.
- Geetali Tilak (2020). The study and importance of media ethics. *International Journal of Disaster Recovery and Business Continuity*. 11 (1), 448-466.
- Goodwin, H. E. (1987). *Grouping for ethics in journalism*. Ames: Iowa State University Press.
- Harcup, Tony. (2002). Journalists and ethics: The quest for a collective voice. *Journalism Studies*. 3. 101-114.
- Harcup, T. (2007). *The ethical journalist*. London: SAGE Publications
- Hoo, B.K. (2000). Media and democracy in Malaysia. Dlm. *Media and democracy in Asia: An AMIC Compilation*, (pp. 115-126). Singapura: AMIC.
- Jarvis, S.E., Stroud, N.E., & Gilliland, A.A. (2009). College students, news use, and trust. *Communication Research Reports*, 26 (1), 30-39.
- Jay Black. 1998. Journalism Nethics. *Convergence*. 4 (4), 10-17.
- Lee Kuok Tiung, Siti Suriani Othman & Liana Mat Nayan. (2021). Model kewartawanan yang ideal untuk konteks Malaysia – Mengimbangi ilmu kewartawanan barat dengan kewartawanan Islam. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 8, 38-53.
- Louis P.P & Fieser. J. (2009). *Ethics: discovering right and wrong*. Belmond, CA: Wadsworth Learning.

- McQuail, D., (2010). *McQuail's mass communication theory* (6th edition). London: Sage Publications.
- Mohamad Zahir Zainudin, Roziah Omar, Mohd Fauzi Kamarudin, (2016). Kaedah Gabungan (Mixed Methods) Dalam Kajian Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia Dan Indonesia: Pengalaman Penyelidikan. *Journal of Human Capital Development*. 9(2), 2-9. Diakses daripada <https://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/view/1923>
- Mus Chairil Samani & Chin Ah Peng, (1991). Etika kewartawanan. Seminar Penyelidikan Komunikasi, anjuran Jabatan Komunikasi UKM, 3-5 September.
- Nik Yusri Musa, (2015). Konsep dan etika kewartawanan menurut Islam. Dlm. Mohd Safar Hasim & Zulkiple Abd. Ghani (ed.). *Komunikasi dan media dari perspektif Islam: Konsep dan amalan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Adzrah Ramlee, Suria Hani A. Rahman & Fauziah Hassan (2012). Wartawan sebagai pendakwah dan pembangun ummah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Jazlan, (2013, 29 Disember). Cabaran dan realiti arus perdana di Malaysia. *The Malaysian Insider.com*. Diakses daripada <http://www.themalaysianinsider.com/opinion/nur-jazlan/article/cabaran-dan-realiti-media-arus-perdana-di-malaysia>
- Phillips, A., (2010). Transparency and the new ethics of journalism. *Journalism Practice*. 4(3), 373-382.
- Schweiger, W. (2000). Media credibility—experience or image? A survey on the credibility of the World Wide Web in Germany in comparison to other media. *European Journal of Communication*, 15 (1), 37-59.
- Shoemaker, P., & Reese, S. (2014). *Mediating the message in the 21st century. A media sociology perspective*. New York: Routledge.
- Sinar Harian. (2021, 29 Mei). Wartawan dan perjuangan. Sinarharian.com.my. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/141200/KHAS/Pendapat/Wartawan-dan-Perjuangan>

*Memahami Etika dan Kegunaan Etika Kewartawanan  
oleh Wartawan Akhbar Berbahasa Melayu di Malaysia*

Syed Arabi Idid. (1986). Profesionalisme kewartawanan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 2,5-20. Diakses daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/4978/1/2%281%29.pdf>

Topic Peremobowi Akoje & Mohd Helmi Abd Rahim, (2014). Development of journalism ethics: a comparative analysis of codes of ethics in Nigeria, United Kingdom, United States of America, India and Russia. *Jurnal Komunikasi*, 30 (2), 221-238.

Yesudhasan, T.J., (2020). Ethical dilemmas. *e-Journal of Media and Society*. 5:1-6.

Zin Mahmud, (2019, 17 Oktober). Keperluan pertahankan kewartawanan Melayu. *Berita Harian Online*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/10/618630/keperluan-pertahankan-kewartawanan-melayu>